

PENTERNAKAN LEMBU SEBAGAI KERJAYA WARISAN KELUARGA

Oleh: Ahmad Rukaini bin Mohmd Yusoff, 1171787,
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 13 Ogos 2020



Penulis bersama lembu kesayangan baka Local Indian Dairy (LID)

Menjaga lembu bukan asing bagi penulis kerana sudah mengikut ayah memternak lembu sejak berusia 19 tahun. Ayah saya memulakan projek ternakan secara kecil-kecilan dengan tidak lebih 10 ekor lembu.

Niat asal penulis hanya ingin membantu meringankan beban ayah dan itu boleh dikatakan setiap pagi dan petang, banyak masa dihabiskan di ladang ternakan.

Semakin lama penulis jadi seronok dan akhirnya jatuh cinta dalam bidang ini. Tamat sahaja Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), saya mula mengambil alih sepenuhnya pengurusan di ladang ternakan.

Penternakan lembu milik ayah semakin berkembang dan kini mempunyai anggaran 150 ekor lembu yang diusahakan di kawasan ladang seluas 200 hektar milik Felcra Gugusan Lekir.

Peluang melanjutkan pelajaran hingga ke universiti tidak dilepaskan walaupun separuh hati saya mahu berada di kampung bagi menguruskan ternakan lembu.

Penulis mengakui, bukan mudah untuk membahagikan masa antara pelajaran dan perusahaan yang dijalankan, namun atas dorongan ibu bapa, penulis mampu melaksanakannya dengan baik sehingga sekarang.

Hanya pada cuti semester atau cuti-cuti tertentu sahaja, penulis pulang ke kampung untuk meninjau keadaan lembu di ladang ternakan.

Sepanjang waktu kuliah, ayahlah yang akan membantu mengambil alih tugas di ladang. Bukan mudah sebenarnya mahu melakukan dua perkara dalam satu masa, namun ayah banyak membantu selain saya sendiri perlu bijak membahagikan masa antara pelajaran dan ternakan.

Penulis juga mahu menghabiskan pengajian dan menggenggam segulung ijazah dengan keputusan cemerlang. Ayah dan ibu juga mahu saya menghabiskan dahulu pengajian, barulah saya boleh aktif sepenuhnya dalam bidang ini.

Penternakan lembu juga menjadi terapi kepada diri penulis untuk menghilangkan tekanan ketika belajar. Seronok sebenarnya menjaga lembu.

Kita menjadi lebih tenang bila dapat melihat lembu-lembu berkumpul, menggosok-gosok badan haiwan itu dan ditambah pula jika lembu berkenaan seolah-olah sudah mengenali kita.

Kita juga lebih dekat dengan alam dan secara tidak langsung menjadikan kita mencintai alam sekitar.

Walaupun pernah diperlekehkan kerana menceburi bidang yang dikatakan tidak 'glamor' seperti pekerjaan lain, namun ia tidak mematahkan semangat penulis untuk terus mendalami bidang ternakan lembu.

Setiap pekerjaan yang kita lakukan adalah ibadah jika kita konsisten dalam melaksanakan tanggungjawab dan menzhahirkan ketepatan dalam segenap aspek pekerjaan serta merancang sebaik mungkin untuk menyelesaikan tugas yang diberikan.

Penulis telah mengikuti beberapa kursus untuk menambah pengetahuan dan kemahiran bagi memastikan projek ternakan lembu terus berjaya.

Bidang ini memerlukan pengetahuan mendalam supaya projek yang dilakukan tidak gagal separuh jalan. Ayah sendiri menyarankan penulis supaya mendalami lagi ilmu dalam bidang ini memandangkan bidang pengajian yang diikuti sekarang adalah berbeza.

Walau bagaimanapun, bidang ini mempunyai cabaran tersendiri di mana lembu-lembu terdedah dengan serangan penyakit, kecurian, harga pasaran tidak menentu dan lain-lain lagi.

Permintaan terhadap daging lembu amat tinggi dan sentiasa bertambah terutamanya menjelang Aidilfitri dan Aidiladha hingga kadangkala tidak dapat menampung permintaan pelanggan.

Apabila timbul masalah, di sinilah timbul peranan pengalaman dan ilmu yang ditimba dalam membantu untuk menangani setiap cabaran dengan baik.



(Sistem ternakan lembu integrasi diladang sawit)